

# Sambutan Tahun Baru Cina MENTARI

Sambutan Tahun Baru Cina MENTARI tahun ini disambut pada 19 Februari 2016 di MENTARI Bintulu.

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran tetamu khas iaitu ahli parlimen Bintulu, Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing dan Puan Rodziah Bt Hj Morshidi, pengurus besar Lembaga Kemajuan Bintulu.



Majlis diserikan dengan 'prosperity toss' oleh tetamu - tetamu khas diiringi Ketua jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Dr.Siti Zubaidah Bt Ismail dan Pakar Psikiatri, Dr.Adilah Bt Sulaiman. Buat pertama kalinya, Anugerah Klien Contoh diadakan pada tahun ini dan dimenangi oleh klien yang banyak menunjukkan prestasi semasa di MENTARI.



Majlis diteruskan dengan anugerah klien yang mempunyai kehadiran tertinggi, pakaian terbaik bagi lelaki dan perempuan dan hadiah cabutan bertuah. Majlis diakhiri oleh jamuan makan tengahari.

